

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/17G

Felda tiada nilai buat Dr. Mahathir, Muhyiddin

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OGOS

LEMBAGA Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) tidak mempunyai nilai yang penting bagi Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, sikap Dr. Mahathir dan Muhyiddin itu dapat dilihat berdasarkan pengalamannya ketika berkhidmat di bawah kedua-dua pemimpin terbabit dahulu, iaitu sebelum kedua-duanya menyertai dan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang.

Menurut beliau, Muhyiddin yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri sering menggunakan perkataan 'kemungkinan' serta membuat andaian apabila perkara itu berkaitan dengan Fel-



MOHD. PUAD ZARKASHI



MAHATHIR MOHAMAD



MUHYIDDIN YASSIN

da dan warganya.

"Samalah juga semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan, beliau tidak pernah masuk melawat sekolah pedalaman kecuali cuma sekali sahaja singgah di Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Lubai di Limbang, Sarawak dan itu pun menggunakan helikopter.

"Muhyiddin juga tidak mengetahui bahawa dasar Kementerian Pendidikan menetapkan semua set generator bekalan elektrik di sekolah pedalaman mesti dipadamkan sebelum pukul 9 malam bagi tujuan penjimatan," katanya

dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan enam insentif untuk peneroka dan warga Felda pada 23 Julai lalu, antaranya dalam bentuk pelupusan hutang, bayaran insentif, kewujudan dana khas dan geran khas serta insentif perumahan.

Walau bagaimanapun, pada 28 Julai lalu, Muhyiddin memperlekehkan insentif yang diumumkan kerajaan itu dengan mengangapnya tidak mencukupi untuk

membantu warga Felda.

Sementara itu, Mohd. Puad yang juga Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) memberitahu, Dr. Mahathir pula kurang memberi perhatian terhadap warga Felda meskipun menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Katanya, Dr. Mahathir juga pernah berhasrat untuk men-swastakan Felda kerana kewujudan organisasi yang menaungi para pekebun kecil itu bukan legasi beliau.

"Dasar Dr. Mahathir adalah 'kroni kapitalisme' iaitu melahirkan seorang, dua orang Melayu yang kaya raya kononnya bertujuan membantu masyarakat Melayu yang lain.

"Ini amat berbeza dengan dasar bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Najib yang berusaha mengeluarkan orang Melayu daripada garis kemiskinan hidup dan penubuhan Felda merupakan antara strateginya," katanya.

um - 5/8/2017 pg. 14